

Headline	Simposium Buluh Asean September ini		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	06 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	38	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	207 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,531
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,593



Barisan pengangur jawatankuasa selepas sesi pelancaran di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Simposium Buluh Asean September ini

KUALA LUMPUR - Pihak industri buluh dan usahawan tempatan yang berminat meneroka peluang dalam bidang perladangan buluh atau pembuatan produk berasaskan buluh tidak sepatutnya melepaskan peluang menyertai Simposium Buluh Asean (ABS2016) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, 27 hingga 29 September ini.

Simposium bertemakan 'Kelestarian dan Kemajuan dalam Penggunaan Buluh' itu bertujuan mempromosikan penggunaan sumber bahan mentah yang mudah diperbaharui ini serta produk yang berkait-

an untuk kehidupan dan pertumbuhan ekonomi negara-negara Asean.

"Simposium ini menghimpun pakar, penyelidik, pembuat keputusan, usahawan tempatan dan antarabangsa pelbagai negara termasuk Belanda, Kanada, China, India, Indonesia, Filipina untuk berkongsi pengetahuan, pengalaman, membincangkan isu terkini, hasil penyelidikan, teknologi dan inovasi baharu.

"Pelbagai cabaran dan hala tuju berkaitan dengan perladangan, pengeluaran, pemasaran serta komuniti buluh akan dibincangkan di ABS2016," katanya menerusi kenyataan.

Simposium ini juga menyediakan platform perkongsian maklumat berkenaan dengan amalan terbaik dunia dalam industri buluh untuk memanfaatkan Malaysia dan negara Asean lain dalam pembangunan industri berasaskan buluh di samping usaha memulihara alam sekitar.

ABS2016 dianjurkan bersama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Lembaga Perindustrian Kayu (MTIB), Pusat Sumber Teknologi Perabot MARA (FITEC) dan Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (Pusaka).